



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Department Of Veterinary Services

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2

No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4

62630 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000

Faks : 603-8888 6021

E-mel : pro@dvs.gov.my

Laman Web : www.dvs.gov.my

MAKLUM BALAS MEDIA

KES ANIAYA HAIWAN: SEMAKIN MEMBIMBANGKAN, PENGUATKUASAAN PERLU LEBIH TEGAS

1. Merujuk kepada laporan berita di portal Buletin TV3 bertajuk, **“Kes aniaya haiwan: Semakin membimbangkan, penguatkuasaan perlu lebih tegas”** pada 21 Disember 2025, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) ingin memberi maklumbalas berhubung beberapa perkara yang tidak tepat di dalam laporan berita tersebut.
2. Berdasarkan rekod aduan yang diterima oleh DVS bagi tempoh 2021 sehingga 2025, sebanyak 19,303 aduan telah diterima dimana sebanyak 16,340 adalah aduan di bawah Akta 772, manakala sebanyak 2,963 adalah aduan bukan di bawah Akta 772. Daripada kesemua aduan yang diterima ini, sebanyak 16,394 telah diselesaikan. Jumlah aduan yang diterima ini mencerminkan tahap kesedaran serta pengetahuan yang tinggi dalam kalangan masyarakat di Malaysia mengenai saluran dan kaedah penyaluran aduan berkaitan kebajikan haiwan.
3. Berdasarkan aduan yang berasas dalam tempoh 2021 hingga 2025, sebanyak 43 kes berjaya disabitkan kesalahan dan didakwa di mahkamah dengan jumlah hukuman denda sebanyak RM445,400.00.
4. Untuk makluman, Seksyen Kebajikan Haiwan, DVS menerima aduan secara rasmi berkaitan kebajikan haiwan dan penganiayaan haiwan melalui Sistem MyAnimalWelfare, secara atas talian di awa.dvs.gov.my. Semua aduan terus disalurkan kepada pegawai di lapangan di negeri untuk tindakan pemeriksaan

dan penguatkuasaan yang diperuntukkan di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015 [Akta 772].

5. DVS turut menyampaikan maklumat tentang aduan kebajikan haiwan melalui pelbagai cara iaitu hebahan di portal MyAnimalWelfare, sosial media Lembaga Kebajikan Haiwan, semua platform sosial media DVS, melalui portal DVS serta melalui reruai kebajikan haiwan DVS di pameran-pameran anjuran pelbagai pihak di dalam negara. Selain itu, DVS turut mengeluarkan kenyataan media dari masa ke masa bagi memberi pendedahan kepada orang awam tentang perkara ini.
6. Untuk makluman, Arahan Prosedur Tetap Kebajikan Haiwan [Aduan] telah dibangunkan sebagai rujukan standard dalam menangani aduan kebajikan haiwan, bagi memastikan tindakan penguatkuasaan Akta Kebajikan Haiwan 2015 [Akta 772] dapat dilaksanakan dengan efisien dan efektif. Sistem MyAnimalWelfare memainkan peranan penting dalam pengurusan aduan kebajikan haiwan. Melalui sistem ini:
 - i. Semua aduan direkod secara digital dan berpusat, membolehkan jejak kes secara telus.
 - ii. Aduan disalurkan secara automatik kepada pegawai di lapangan mengikut negeri atau lokasi kejadian untuk tindakan segera.
 - iii. Pegawai dapat memantau status semasa setiap aduan, termasuk penilaian awal, siasatan lapangan, tindakan penguatkuasaan dan pemantauan susulan.
 - iv. Sistem ini turut membolehkan maklum balas terus kepada pengadu.
 - v. Aduan yang melibatkan penganiayaan serius sehingga mengancam nyawa akan diambil tindakan dalam tempoh 24 jam, manakala aduan yang bersifat pengabaian akan ditangani dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.
7. Semua pengadu akan menerima maklum balas aduan melalui e-mel yang didaftarkan di dalam Sistem MyAnimalWelfare. Bagi aduan yang memerlukan tindakan pendakwaan, laporan aduan akan dipanjangkan kepada Bahagian Penguatkuasa untuk siasatan dan tindakan lanjut.

8. Kolaborasi antara DVS, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pihak berkuasa tempatan sentiasa dilaksanakan. Pelan Strategik Kebajikan Haiwan Kebangsaan 2021-2030 telah disediakan untuk memastikan penerapan kebajikan haiwan dapat diterapkan secara berterusan kepada setiap golongan masyarakat di negara ini. Sehubungan itu, untuk mencapai hasrat tersebut, DVS menjalinkan kerjasama dengan pelbagai pihak melalui penubuhan jawatankuasa dan pelantikan rakan strategik seperti di bawah ke arah memperkukuhkan kebajikan dan kesejahteraan haiwan:

- i. Lembaga Kebajikan Haiwan
- ii. Jawatankuasa Teknikal Kebajikan Haiwan (Pelesenan)
- iii. Jawatankuasa Teknikal Kebajikan Haiwan (Promosi dan Pendidikan)
- iv. Jawatankuasa Khas DVS JKT PBT (Pengurusan Haiwan Terbiar)
- v. Jawatankuasa Kebajikan Haiwan Peringkat Negeri
- vi. Jawatankuasa Rundingcara Kebajikan Haiwan

9. DVS dengan kerjasama Sektor Prasekolah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membangunkan Pek Sumber Kebajikan Haiwan @ Prasekolah dan ia telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Badrul Hisham Mohd, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan ketika itu pada 15 Ogos 2024. Pek untuk kanak-kanak prasekolah di Malaysia ini bertujuan untuk memupuk sikap belas kasihan dan bertanggungjawab terhadap haiwan sejak kecil lagi. Inisiatif tersebut merupakan sebahagian daripada usaha yang lebih luas untuk mengintegrasikan pendidikan kebajikan haiwan ke dalam kurikulum awal kanak-kanak, menggalakkan empati, kebaikan dan pemilikan haiwan peliharaan yang bertanggungjawab dalam kalangan pelajar muda. Pek sumber ini dibangunkan bagi mencapai misi seperti berikut:

- i. Kebajikan haiwan diamalkan dalam kehidupan seharian, diperkukuh dengan penglibatan semua pihak, dan dipupuk dalam masyarakat.
- ii. Pemilikan haiwan yang bertanggungjawab diamalkan dalam setiap komuniti.

- iii. Malaysia akan menjadi sebuah negara maju dengan masyarakat penyayang yang mengamalkan piawaian kebajikan haiwan dan kebaikan terhadap haiwan.

10. DVS menyarankan agar sebarang rujukan atau semakan dibuat terus kepada jabatan ini bagi memastikan orang awam menerima maklumat yang tepat dan sahih berkaitan aduan kebajikan haiwan, sekali gus mengelakkan kekeliruan serta salah faham. Selain itu, orang awam diminta untuk tidak membuat atau menyebarkan sebarang spekulasi, dan memberi ruang sepenuhnya kepada proses siasatan yang dijalankan oleh pihak berkuasa.

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
24 DISEMBER 2025**